



## 38 sukarelawan berbakti di Zoo Negara

Oleh: NOR FADZILLAH ZULKIPLI



Seramai 38 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab Penyayang UMP menjayakan Program Pencinta Penyayang dengan menjalankan kerja kesukarelawanan di Zoo Negara, Hulu Kelang pada 2 April 2016 yang lalu.

Program ini bertujuan mendedahkan kepada mahasiswa UMP dan juga masyarakat tentang peranan sukarelawan yang bukan sahaja peka kepada masyarakat setempat malahan terhadap hidupan lain.

Menurut ketua program, Shahanaaz Natasha Jamihil@Jamil,20 dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), program yang dijalankan buat kali kedua ini merupakan pengalaman yang sangat menarik.

"Sukarelawan berpeluang membersihkan kandang, memberi makan serta bersama dengan haiwan yang ditempatkan di zoo. Sebagai pelajar kita tidak harus hanya menumpukan pada kelompok manusia sahaja tetapi turut memberikan khidmat bakti kepada makhluk lain termasuk flora

dan fauna," katanya.

Selain dapat berinteraksi bersama haiwan di sana, mereka juga didedahkan dengan cara pengurusan haiwan serta memahami situasi serta tabiat pelbagai jenis hidupan di Zoo Negara.

Bagi peserta, Abdul Qayyum Samsuddin dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), 22, pendedahan mengenai faktor kebersihan sama ada sumber makanan, sumber air ataupun kawasan persekitaran mampu mempengaruhi hidupan liar menjadi topik yang menarik untuk diketahui.

Dalam berkongsi pengalaman, beliau berasa teruja kerana dapat melihat dan bersentuhan dengan badak air secara dekat dan ia merupakan satu pengalaman yang menarik untuk dikongsi bersama.

Selain memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang sesuatu dalam bentuk khidmat sukarela program ini juga memberi kesempatan mereka memupuk nilai kasih sayang terhadap haiwan serta peka dengan isu alam sekitar.